



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 54 / 2020**

**GARIS PANDUAN PENCEGAHAN COVID-19 BAGI  
PELAKSANAAN PILIHAN RAYA UMUM  
DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRU DUN)  
SABAH KE-16**

1. SPR ingin memaklumkan bahawa satu Garis Panduan Pencegahan Covid-19 bagi pelaksanaan pilihan raya akan digunapakai sepanjang PRU DUN Sabah ke-16 dijalankan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuat kuasa.
2. Perkara utama yang diketengahkan adalah pematuhan kepada penjarakan fizikal, pemakaian pelitup separuh muka (*face mask*), penggunaan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*), proses saringan suhu badan dan merekodkan kehadiran bagi semua aktiviti serta proses yang berkaitan dengan pilihan raya.
3. Garis Panduan ini akan dilaksanakan dengan ketat di semua proses pilihan raya iaitu taklimat petugas, penamaan calon, proses cetakan dan semakan kertas undi, pengeluaran dan pengiraan undi pos, semakan isi peti undi, sepanjang tempoh berkempen, hari mengundi dan penjumlahan rasmi undi.

4. Proses penyerahan borang Kertas Penamaan akan berlangsung seperti mana proses penamaan calon sebelum ini namun semua calon tidak lagi dibenarkan berarak bersama para penyokong masing-masing atau mengadakan sebarang aktiviti berkumpulan. Hanya calon, seorang pencadang calon dan seorang penyokong calon sahaja dibenarkan memasuki pusat penamaan calon.
5. Sepanjang tempoh berkempen, setiap calon yang bertanding dibenarkan membuka Bilik Jawatankuasa (Bilik Gerakan Parti) dengan pematuhan kepada penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka separuh (*face mask*), penggunaan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*), saringan suhu badan dan merekodkan kehadiran.
6. Bagi aktiviti ceramah pula, jumlah kehadiran peserta hendaklah tidak melebihi 250 orang pada satu-satu masa dan tempat, tertakluk kepada keluasan ruang dan memastikan peserta mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter. Permit daripada PDRM untuk aktiviti berceramah ini adalah wajib. Manakala aktiviti ziarah ke rumah-rumah pengundi pula, calon atau wakil juga tidak dibenarkan untuk bersentuhan atau bersalaman dengan penghuni rumah. Calon digalakkan memaksimumkan kaedah kempen menggunakan medium atas talian atau melalui saluran media sosial.
7. SPR melalui 73 Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR) akan memantau semua aktiviti calon ketika berkempen termasuk pematuhan terhadap Garis Panduan khas ini.

8. Pada hari mengundi, semua pengundi diwajibkan memakai pelitup muka separuh (*face mask*), melalui proses saringan suhu badan, menggunakan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) dan merekodkan kehadiran serta mengamalkan penjarakan fizikal. Pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) akan dibekalkan di semua pusat mengundi pada hari mengundi kelak. Pengundi perlu melalui penggunaan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) di empat (4) stesen dalam pusat mengundi iaitu di pintu masuk pusat mengundi, di pintu masuk saluran, di dalam saluran (selepas proses mencelup jari dengan dakwat kekal iaitu sebelum menerima kertas undi) dan sebelum keluar dari pusat mengundi. Petugas pilihan raya akan memantau pergerakan pengundi bagi memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepanjang berada dalam pusat mengundi.
9. Pengundi yang bergejala dan tidak melepasi saringan suhu badan akan tetap dibenarkan mengundi di khemah khas yang dipantau oleh pegawai kesihatan. Pengundi berkekaan akan diuruskan oleh pegawai kesihatan untuk pemeriksaan dan tindakan lanjut. Manakala individu yang diletak di bawah Perintah Pengawasan dan Pemerhatian [*Person Under Surveillance (PUS)*] dan individu yang bergejala yang sedang dalam rawatan [*Person Under Investigation (PUI)*] yang ingin mengundi hendaklah memohon kebenaran daripada Pegawai Kesihatan Daerah, untuk keluar sementara ke Pusat Mengundi.
10. Bagi kehadiran di pusat penjumlahan rasmi undi, calon yang bertanding berserta penyokong calon yang menang akan dibenarkan hadir dalam jumlah yang minima. SPR akan bekerjasama dengan pihak polis bagi memantau pematuhan Garis Panduan khas ini.

11. SPR akan mengemaskini Garis Panduan ini selaras dengan apa-apa arahan terkini di bawah **Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)**. Maklumat lanjut mengenai Garis Panduan ini boleh didapati dari laman sesawang SPR iaitu [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my).

Sekian. Terima kasih.

**IKMALRUDIN BIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 11 September 2020 / 23 Muharam 1442H